

Kepimpinan negara

UM

1 2 DEC 1999

ANALISIS Berita

Oleh AHMAD ABDUL
HAMID

SEKLIPUN pada dasarnya tiada kejutan besar dalam barien kabinet baru pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ada beberapa aspek daripada pelantikan tersebut yang mungkin mendorong kita mencari apakah yang tersirat di sebalik yang tersuat.

Pelantikan bekas Naib Canslor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, sebagai Menteri Pendidikan barangkali satu kejutan bagi kebanyakan orang kerana pertama kali seorang tokoh bukan politiki dipilih menjadi menteri peneraju sebuah kementerian yang penting.

Pelana Menteri tentu mempunyai perkiraan tersendiri dalam membuat pemilihan ini. Musa mungkin bukan seorang ahli politik, tetap kerjayanya sebagai pengrus dan pentadbir sebuah institusi pengajian

tinggi adalah cemerlang. Ini diakui oleh rakan-rakan dan bekas pelajarnya sendiri.

Beliau telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam dunia pendidikan. Di bawah kepimpinannya USM mencipta nama dan beliau sendiri mempunyai pelbagai idea bernas untuk meningkatkan taraf pendidikan di negara ini.

Berdasarkan kriteria dan kemampuan inilah kemungkinan besar Perdana Menteri memberikan kepercayaan kepada Musa. Tanpa pengli-

hatan dalam politik. Musa boleh memberikan tumpuan khusus ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Di samping Musa, pelantikan Datuk Effendi Norwawi sebagai Menteri Pertanian untuk memenuhi kuota Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak, juga menarik perhatian.

Ini kerana Effendi, yang juga Pengerusi NTV7, ialah seorang tokoh muda, menggantikan tokoh veteran dan berpengalaman, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, yang telah menduduki pelbagai kerusi kabinet sebe-

lum ini. Beliau juga bertanding dalam pilihan raya lalu.

Sebelum Parlimen dibarkan, Sulaiman ialah Menteri Pertanian. Sebelum itu beliau pernah menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Wilayah Persekutuan dan Menteri Pendidikan.

Namun sebagai orang baru dalam kabinet, Effendi tentunya akan berusaha bersungguh-sungguh menyerlahkan keterampilannya bagi menubuhkan pemilihannya menduduki kabinet adalah betul. Kita wajar memberi peluang kepadanya.

Pengguguran Datuk Dr. Ting Chew Peh dari kabinet juga menimbulkan persoalan. Menurut Perdana Menteri itu adalah keputusan MCA.

Soalnya kenapa MCA mengambil keputusan sedemikian sedangkan Ting adalah Setiausaha Agung MCA, orang kanan dalam parti?

di alaf baru

Berlainan dengan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, yang dari awal menyatakan mahu berundur, Ting tidak pernah didengar menyuarakan hasrat seperti itu. Justeru adakah keputusan MCA itu dibuat demi untuk memberi laluan kepada Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Dr. Fong Chan Onn menjadi menteri penuh?

Selain itu seorang Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri yang bertanding Parlimen pada pilihan raya lalu nampaknya mempunyai nasib yang berbeza.

Sementara bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dilantik menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan, bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin hanya menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri.

Ini tentu menimbulkan rasa ingin tahu kerana bekas Timbalan Ketua Menteri Pu-

lau Pinang, Datuk Shariff Omar, yang bertanding Parlimen pun diberi jawatan Timbalan Menteri Pertanian, jawatan yang pernah disandangnya sebelum ini. Oleh itu mungkin ada sebab tertentu kenapa Perdana Menteri melantik Abu Zahar hanya sebagai Setiausaha Parlimen.

Namun satu perkara yang nyata ialah barisan kabinet kali ini memberikan tempat kepada bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) yang telah kembali ke pangkuan UMNO.

Datuk Rais Yatim kini menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan berdasarkan latar belakang sebagai peguam bela dan peguamcara, besar kemungkinan beliau akan diberikan tanggungjawab mengenai undang-undang.

Beliau bukan baru dalam kabinet sekalipun sudah 12 tahun meninggalkannya. Dengan pengalaman sebagai

Menteri Penerangan, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah dan Menteri Luar, Rais boleh memberi sumbangan besar dalam kepimpinan negara.

Begitu juga dengan Datuk Zainal Abidin Zain yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Beliau pernah menjadi Timbalan Menteri Kerja Raya suatu ketika dahulu dan pelantikan kali ini memberi ruang baru kepadanya untuk berkhidmat.

Apa pun sanarionya, Perdana Menteri tentu telah memberikan pertimbangan yang amat teliti dalam memilih barisan kabinetnya kali ini. Harapan kita bersama ialah barisan kepimpinan ini akan membawa kita memasuki alaf baru dengan penuh keyakinan demi memastikan Malaysia terus merdeka, makmur dan berjaya.